

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : KUTIPAN DERMA RAYUAN HARI PAHLAWAN 1982 MELALUI RADIO DAN
TELEVISYEN, MALAYSIA,(RTM)
Lokasi : RTM
Tarikh : 30-07-1982

Bismillahir-rahmannir-rahim.

Assalamu' alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saya bersyukur kepada Allah subhanahu wataala kerana dengan limpah dan kurniaNya sekali lagi saya mendapat peluang untuk melancarkan kutipan Derma Rayuan Hari Pahlawan bagi tahun ini. Kutipan derma ini adalah di bawah anjuran Persatuan Bekas Perajurit Malaysia. Mengikut tradisi ia seharusnya dilancarkan mulai 15hb. Julai sehingga 15hb.

Ogos pada setiap tahun. Bagaimanapun sejak beberapa tahun yang kebelakangan ini tarikh kutipan derma ini telah terpaksa ditunda oleh kerana beberapa sebab yang tidak dapat dielakkan, lebih-lebih lagi melibatkan bulan puasa yang kita muliakan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

2. Saya percaya bahawa segenap lapisan masyarakat di negara ini sentiasa menyedari bahawa perajurit-perajurit kita telah dan akan terus memainkan peranan yang paling besar di dalam konteks menjamin keselamatan dan ketenteraman negara, supaya berbagai-bagai pembangunan untuk meninggikan taraf kehidupan rakyat dapat dilaksanakan oleh Kerajaan. Hasil daripada perjuangan mereka ke arah ini kita, semua rakyat Malaysia, telah dapat hidup di dalam keadaan aman dan sejahtera. Sementara itu negara kita semakin pesat membangun, hutan-hutan rimba yang tebal telah beralih menjadi ladang-ladang, dan tanah-tanah lapang telah bertukar wajah menjadi gedung-gedung atau firma-firma berbagai pengeluaran negara. Anak-anak kita pula keriang dan tekun menimba ilmu pengetahuan di sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi yang telah banyak dibina di tanahair. Inilah hakikat dan cara hidup kita bagi mengisi kemerdekaan yang telah kita capai selama suku abad itu.

3. Tetapi di sebalik keriang dan kemewahan yang sedang kita nikmati itu, marilah sama-sama kita merenungi kesan-kesan yang sedang ditanggung oleh pahlawan-pahlawan bagi menjamin keselamatan negara dan kesejahteraan kehidupan kita. Tidak syak lagi sebagai benteng pertahanan negara, mereka telah menyahut seruan pertiwi dengan nyawa mereka sendiri. Ramai di antara mereka yang telah gugur, meninggalkan isteri, serta anak-anak kehilangan tempat bermanja. Begitu juga ramai di antara mereka yang terpaksa menanggung derita akibat kecacatan yang menimpa.

Pendek-kata penderitaan yang ditanggung semasa menempuh perjuangan dan derita yang dialami sebagai pahlawan tidak berakhir. Sungguhpun begitu mereka tidak pernah lari daripada tanggungjawab mereka. Pengorbanan yang telah dibuktikan itu bukanlah dapat dinilai dengan wang ringgit, malah ianya

tinggal dan kekal sebagai satu simbol keagungan perjuangan anak watan di dalam mempertahankan negara Malaysia yang kita cinta.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

4. Di sebalik penderitaan yang dihadapi oleh sebahagian pahlawan tanahair itu, mereka masih berupaya dan terus berusaha untuk melindungi kepentingan dan kebajikan mereka melalui Persatuan Bekas Perajurit. Mereka juga berusaha dengan segala ketabahan hati untuk mendapatkan berbagai-bagai kemudahan supaya lebih ramai lagi bekas-bekas perajurit diberi perhatian dan diambil semula bertugas dengan Jabatan-jabatan Kerajaan, serta sektor swasta, selaras dengan kemahiran dan pengalaman setiap individu bekas-bekas perajurit itu sendiri.

5. Di dalam bidang kebajikan pula, saya merasa amat bangga kerana Persatuan Bekas Perajurit ini mempunyai sekim bantuan kebajikan yang tersusun rapi untuk membantu balu-balu serta ahli-ahli yang kurang bernasib baik. Ianya termasuklah bantuan bulanan kepada balu-balu ataupun ahli-ahli yang kurang berupaya oleh kerana cacat anggota, uzur dan sebagainya, serta bantuan-bantuan kebajikan kepada anak-anak ahli di bidang pelajaran. Sepanjang tahun 1981 sebanyak \$330,000 telah dikeluarkan oleh Persatuan tersebut untuk memenuhi sekim bantuan kebajikan yang telah saya sebutkan tadi berbanding dengan \$250,000 bagi tahun 1980. Dengan ini nyata sekali bahawa bukan sahaja jumlah bantuan yang dikeluarkan itu sentiasa meningkat pada setiap tahun, tetapi juga di segi keperluan Persatuan Bekas Perajurit Malaysia untuk mengadakan sejumlah wang bagi memenuhi tanggungjawabnya.

6. Oleh yang demikian saya ingin menyeru supaya segenap lapisan masyarakat di negara ini tampil ke hadapan dan memainkan peranan masing-masing untuk menjayakan kutipan rayuan hari pahlawan yang diadakan pada tahun ini. Kita rakyat Malaysia patutlah sama-sama berganding bahu dan berlumba-lumba untuk berbakti kepada mereka yang telah banyak berjasa kepada rakyat dan negara ini sebagai salah satu cara kita menilai dan menghargai jasa pahlawan-pahlawan yang berkenaan. Semoga dengan minat dan sikap yang luhur daripada orang ramai itu akan meringankan beban yang sedang dipikul oleh pahlawan kita yang kurang bernasib baik untuk meneruskan kehidupan mereka dengan lebih sempurna lagi.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

7. Sepanjang kutipan Derma Rayuan Hari Pahlawan dilancarkan, ibu pejabat Persatuan Bekas Perajurit Malaysia serta bahagian-bahagian negerinya akan menjalankan berbagai-bagai aktiviti sebagai usaha untuk memungut derma daripada orang ramai. Antaranya termasuklah mengedarkan surat-surat rayuan kepada orang-orang kenamaan, gedung-gedung perniagaan dan sebagainya. Di samping itu mereka juga akan menjual pelekak-pelekak kereta serta lain-lain bahan cenderamata sebagai menghargai sumbangan daripada para dermawan sekalian. Saya sentiasa sedar dan saya merasa yakin bahawa pelancaran Kutipan Derma Rayuan Hari Pahlawan pada tahun ini akan mendapat sambutan yang memuaskan daripada orang ramai. Kesedaran dan keyakinan ini timbul kerana saya selalu berpendirian bahawa kita rakyat Malaysia terdiri daripada orang-orang yang mempunyai peradaban dan nilai budi pekerti yang tinggi. Kita juga arif di dalam memberi setinggi-tinggi ganjaran terhadap mereka yang banyak menabur budi kepada kita, bak kata pepatah "Hutang Emas Boleh Dibayar, Hutang Budi Dibawa Mati".

8. Perlu juga saya sebutkan di sini segala sumbangan terhadap Kutipan Derma Rayuan Hari Pahlawan ini dikecualikan daripada cukai pendapatan. Derma masing-masing bolehlah dikirimkan terus kepada Setiausaha Agung, Persatuan Bekas Perajurit Malaysia, di alamat Tingkat 3, Wisma Pahlawan, Kuala Lumpur.

9. Akhir kata, sekali lagi saya ingin menjemput para dermawan serta segenap lapisan masyarakat supaya maju ke hadapan untuk memberikan sumbangan masing-masing terhadap usaha yang mulia ini. Walau seberapa kecil sekalipun sumbangan daripada tuan-tuan, sumbangan itu tetap memberi erti yang amat besar kepada mereka yang sungguh-sungguh memerlukan.

10. Saya ingin merakamkan ucapan berbilang-banyak terima kasih kepada semua para dermawan sekalian. Saya berdoa semoga Allah Subhanahu Wataala akan sentiasa melimpahi rahmat dan memberkati segala usaha dan keikhlasan tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

11. Saya ucapkan selamat menderma dan marilah kita bersama-sama berbakti kepada mereka yang telah banyak berjasa kepada negara ini.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.